

SOALAN LAZIM

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN ARAHAN PENANGGUHAN SELURUH OPERASI PERKHIDMATAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANGMULAI 18 MAC 2020 HINGGA 31 MAC 2020

1. Apakah status kehadiran saya pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020?

Daftar masuk (*check in*) dan daftar keluar (*check out*) tidak perlu dilakukan serta tiada permohonan arahan kerja (*work order*) yang perlu dilakukan oleh staf. Bahagian Sumber Manusia akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memelihara rekod kehadiran staf.

2. Saya telah memohon Cuti Rehat sepanjang tempoh yang telah dinyatakan (18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020), adakah saya perlu membatalkan Cuti Rehat?

Bagi staf yang telah memohon Cuti Rehat pada tarikh yang telah dinyatakan, staf boleh membuat pembatalan permohonan Cuti Rehat mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

3. Adakah saya dibolehkan untuk melaksanakan sebarang urusan melibatkan pihak luar?

Sebarang aktiviti yang melibatkan pihak luar perlu ditangguhkan serta merta. Sebarang kekecualian pematuhan perlulah mendapat kelulusan daripada Naib Canselor.

4. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diumumkan, adakah saya boleh berada di tempat selain daripada alamat rumah yang telah didaftarkan dengan Bahagian Sumber Manusia?

Boleh, namun demikian selaku pegawai perkhidmatan awam di Bawah Badan Berkanun, semua staf adalah tertakluk kepada pematuhan arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa melantik serta pihak berkuasa tempatan dan pihak kerajaan dari semasa ke semasa. Semua staf adalah dinasihatkan untuk sentiasa peka dan berada di dalam mode sedia terhadap sebarang arahan yang akan dikeluarkan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

5. Adakah saya perlu bekerja dari rumah?

Selaras dengan penutupan operasi UMP dalam tempoh yang telah dinyatakan, semua staf perlu sentiasa berada di dalam mode sedia. Sebarang kerja yang perlu dilakukan adalah tertakluk kepada keperluan perkhidmatan menerusi arahan daripada Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.